

Newspaper	SELANGOR KINI
Date	22/09/2017

Tun M tiada kuasa dalam urusan Bank Negara

Selangorkini
- 22/9/2017
15.8

PUTRAJAYA - Bank Negara Malaysia (BNM) tidak melaporkan kepada perdana menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung aktiviti urusniaga forex yang membawa kerugian mencecah RM30 ringgit, pada penghujung 1980an hingga 1990an.

Mahathir berkata, undang-undang turut tidak membenarkan beliau mencampuri urusan pentadbiran, dasar dan aktiviti dagangan yang dijalankan BNM tetapi sebaliknya agensi itu mempunyai lembaga pengarah berkuasa untuk membuat keputusan.

"Gabenor mempunyai tugas melaporkan kegiatan BNM dari semasa ke semasa kepada lembaga pengarahnya dan saya sebagai perdana menteri tidak pernah terabit dalam pentadbiran BNM.

Beliau berkata demikian ketika memberi keterangan dalam prosiding Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung kerugian kira-kira RM30 bilion, di Istana Kehakiman Putrajaya, di sini, pada 18 September lalu.

RCI dianggotai enam panel itu dipengerusikan

Pengerusi Petronas, Tan Sri Mohd Sidek Hassan.

Katanya, beliau hanya dimaklumkan secara umum oleh bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Clifford Herbert bahawa ada masa BNM mengalami kerugian dan memperoleh keuntungan daripada urusniaga forex yang dijalankan BNM.

Beliau berkata, keadaan itu bukan sesuatu yang menghal-rankan ekor menjadi kelazi-man perdagangan forex sememangnya tidak menjanjikan keuntungan setiap masa.

Bagaimanapun, katanya, Gabenor BNM, Tan Sri Jaffar Hussein, memaklumkan kepada beliau bahawa dagangan forex pada masa itu berjaya mengimbangi rizab negara.

Mahathir juga yakin pihak BNM tidak pernah menyatakan kerugian sehingga mencecah RM30 bilion kepadanya.

Sementara itu, bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, turut memberitahu RCI bahawa BNM beroperasi secara bebas, di

bawah Lembaga Pengarah BNM.

